

Galakan keusahawanan menurut perspektif Hadis Nabawi: satu tinjauan literatur sistematik

[Encouraging entrepreneurship according to Hadith perspective: a systematic literature review]

Syarul Azman Shaharuddin*, Abur Hamdi Usman, Mariam Abd. Majid, Muhammad Yusof Marlon Abdullah & Siti Nor Atiqah Amran

Jabatan Dakwah dan Usuluddin (JDUS), Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia

* Corresponding Author: Dr. Syarul Azman Shaharuddin, Jabatan Dakwah dan Usuluddin (JDUS), Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Malaysia. E-Mail: syarulazman@kuis.edu.my. Telp.: 0133777599.

Keywords:

Hadith, Entrepreneur, Islam, Encouragement, Economy

ABSTRACT

*Entrepreneurship in Islam is part of economic jihad and a major catalyst for the well-being of Muslims. This can be assessed based on the history of Islam, starting from Siti Khadijah RA's business, the companions' boisterous trades, as well as the charity practice that assists in the spread of Islam. Hadiths, associated to the field of entrepreneurship, not only highlight the encouragements, but also define the characteristics of entrepreneurs, as well as their roles. The thematic analysis of hadiths in this study was a representation of encouragements for the Muslims to venture into the field of entrepreneurship. Therefore, researchers utilised a systematic literature review method as it was deemed suitable in analyzing hadiths and fulfilling the objectives of the study. Through this method, the study discovered five (5) hadiths that meet the objectives of the study while the status of hadith consists of three (3) *ṣaḥīḥ*, one (1) *ḥasan*, and one (1) *ḍa'īf*. Evidently, entrepreneurial encouragements are manifested in hadiths and have transpired through the analysis in this study. Henceforth, Islam encourages its followers to strive into this field, but its implementation must be based on Islamic law by the practices of abandoning prohibitions and carrying out commands. The implications of entrepreneurship that complies with the Islamic law will escalate the paradigm shift in Islamic business culture. Certainly, by adopting the Islamic business culture, huge and positive impacts will be reaped for the economic progress of the ummah.*

Kata Kunci:

Hadis, Keusahawanan Islam, Galakan, Ekonomi

ABSTRAK

Keusahawanan merupakan sebahagian daripada jihad ekonomi serta pemangkin utama dalam perkembangan kesejahteraan umat Islam. Hal ini dapat dinilai berdasarkan sejarah perkembangan Islam, bermula dari perniagaan Siti Khadijah RA dan kehebatan perdagangan para sahabat serta amalan infak demi penyebaran agama Islam. Terdapat hadis yang menyentuh bidang keusahawanan, sama ada daripada galakan, ciri-ciri dan peranan

usahawan. Hadis-hadis ini dilihat berharga sebagai dorongan umat Islam untuk menceburi bidang keusahawanan. Oleh itu, pengkaji menggunakan metodologi tinjauan literatur sistematik (systematic literature review) dalam menganalisis hadis tematik berkaitan galakan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan umat Islam. Berdasarkan kaedah tinjauan literatur sistematik (systematic literature review), kajian mendapati lima (5) hadis yang menepati objektif kajian manakala status hadis terdiri daripada tiga (3) hadis sahih, satu (1) hadis hasan, dan satu (1) hadis da'if. Islam menggalakkan pengikutnya menceburi bidang ini namun perlaksanaannya hendaklah berlandaskan syariat Islam dengan meninggalkan larangan dan melaksanakan suruhan. Implikasi daripada keusahawanan yang menepati syariat Islam akan melahirkan anjakan paradigma dalam budaya perniagaan Islam. Semestinya dengan mengamalkan budaya perniagaan Islam, akan memberi impak besar dan positif terhadap kemajuan ekonomi ummah.

Received: October 08, 2020

Accepted: March 10, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pendahuluan

Keusahawanan ialah salah satu bidang yang penting dalam pembangunan ekonomi. Perdagangan mempunyai sumbangan besar terhadap ekonomi masyarakat malah ia juga penting bagi percambahan ekonomi negara. Islam menggalakkan umatnya supaya menceburi sektor ini, kerana daripada bidang ini, ekonomi umat Islam akan berkembang dan berdaya tahan. Ilmu muamalat merupakan hukum-hakam yang mengawal selia aktiviti ini agar dapat merealisasikan kehendak syarak. Oleh itu, mendalami ilmu muamalat menjadi salah satu kefarduan dalam komuniti masyarakat iaitu jatuh kepada fardu kifayah (Abdul Hamid & Ahmad, 2016).

Sejak zaman para *anbiyā'* lagi bidang ini telah dipelopori antaranya Nabi Adam AS seorang petani, Nabi Nuh AS ahli perniagaan, Nabi Daud AS tukang besi, Nabi Zakaria AS tukang kayu, Nabi Idris AS tukang jahit, manakala nabi *ulul 'azmi* seperti Nabi Isa AS tukang tenun dan Rasulullah SAW merupakan penternak dan pedagang (Ali, Kamri & Sarif, 2003). Tambahan pula, pada zaman Rasulullah SAW, majoriti para sahabat menceburi bidang keusahawanan seperti, Abū Bakar RA, 'Uthmān ibn 'Affān RA, 'Umar al-Khattāb RA, Zaid ibn Arqam RA, Ṭalḥah ibn 'Ubaid al-Allah RA, 'Abd al-Raḥmān al-'Auf RA. Manakala golongan wanita pula, Khadijah Binti Khuwaylid RA terlibat dalam perniagaan, Zainab Binti Jahsh RA berkecimpung dalam kraf tangan, Sawdah Binti Zam'ah RA dan Asmā' Binti 'Umays RA pula dalam bidang memproses dan menjual kulit haiwan (Abd Hadi & Borhan, 2013).

Usahawan adalah agen utama dalam pembangunan komuniti. Menurut Ali, Kamri dan Sarif (2015) sektor ini mampu mengerakkan ekonomi yang sihat serta meningkatkan taraf kehidupan masyarakat dengan idea inovasi baharu yang diperkenalkan oleh para usahawan. Usahawan dalam perspektif Islam adalah individu yang berkebolehan dengan ilmu dan kemahiran tertentu, serta individu yang berusaha untuk meningkatkan ekonomi sendiri dan masyarakat melalui aktiviti keusahawanan menyebarkan nilai Islam melalui keusahawanan (Juliana, Rahayu & Wardhani, 2020, Mubarak, 2015; Salwa, Shahabuddin & Jusoh 2013).

Kajian Abd Muin, Abdullah dan Bahari (2015) berkaitan konsep dan amalan dalam keusahawanan sosial Islam, mendapati bahawa amalan yang diamalkan dalam keusahawanan sosial Islam memberi impak dalam pembangunan komuniti masyarakat terutamanya mengeluarkan zakat dan bersedekah. Konsep khalifah, persaudaraan, jihad ekonomi, memenuhi keperluan sosial masyarakat, jaminan sosial, peningkatan ekonomi ummah dan konsep zakat serta wakaf yang diketengahkan oleh Abd Muin, Abdullah dan Bahari (2016) lebih menonjolkan peranan usahawan dan keusahawanan dalam pembangunan komuniti. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada analisis hadis berkaitan galakan menceburi bidang keusahawanan dalam kalangan umat Islam supaya menarik minat untuk menceburi bidang ini.

2. Pendekatan Galakan Nabi SAW Terhadap Perkara Kebaikan

Kehidupan Rasulullah SAW merupakan rujukan umat Islam dalam segenap perkara sama ada suruhan, larangan, galakan dan gaya hidup (Wazir et al., 2019). Baginda SAW telah mencerminkan akhlak dan peribadi yang mulia seiring dengan dakwah Baginda SAW yang menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada keburukan. Melalui dakwah menyuruh kepada kebaikan, pendekatan galakan dapat dilihat dalam pelbagai perkara, antaranya galakan terhadap keusahawanan (Hussin, 2005). Antara contoh galakan Rasulullah SAW menyatakan keusahawanan merupakan sumber rezeki yang utama. Selain itu, Rasulullah SAW telah menyatakan sebaik-baik pekerjaan adalah aktiviti keusahawanan yang mengikut syariat Allah SWT (Rameli, Aziz, Wahab & Amin, 2014a).

Pendekatan galakan pada dasarnya merujuk kepada keinginan atau kesungguhan yang kuat terhadap sesuatu perkara. Ia mempunyai perkaitan dengan kalimah *al-targhīb* yang berasal daripada perkataan bahasa Arab yang terbit daripada kata dasar *raghiba*. Dari segi bahasa *al-targhīb* bermaksud galakan atau dorongan (Ibn Manzūr, 1990). Manakala dari sudut istilah pula bermaksud galakan atau dorongan melakukan kebaikan dan ketaatan serta bersikap istiqamah dalam mentaati Allah SWT (Al-Ghazali, 2005). Selain itu, pendekatan galakan Nabi SAW juga dikenali sebagai *al-tabshīr* iaitu menyampaikan perkhbaraan yang mengembirakan terhadap golongan yang taat kepada Allah SWT. Metode *al-tabsyīr* adalah tugas para Rasul yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam al-Quran sebagai panduan dan penguat semangat kepada para pendakwah (Hussin, 2005). Hal ini sepertimana yang dirakamkan dalam surah al-Isrā' [7] ayat 9. Allah SWT berfirman:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ يَهْدِي لِلَّتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ﴿٩﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (agama Islam) dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

Pendekatan *al-targhīb* adalah model dakwah yang digunakan dalam hadis sebagai sumber galakan dan inspirasi terhadap umat Islam bagi menjinakkan hati mereka melaksanakan amalan demi memperolehi kelebihan dan mendamba keredaan Allah SWT (Ikawati, 2012). Justeru, pendekatan ini mempunyai daya tarikan dalam mempengaruhi dan menggerakkan sasaran dakwah beriman dan beramal dengan tuntutan risalah yang disampaikan.

Seterusnya, terdapat juga takrifan pendekatan galakan Nabi SAW atau *al-targhīb* sebagai usaha menggalakan manusia beribadat kepada Allah SWT, melakukan kebaikan, beramal soleh, berakhlak mulia dan menunaikan segala perintahNya seperti mana terkandung dalam al-Quran yang telah disampaikan melalui Nabi SAW. Justeru, pendekatan yang berbentuk galakan ini merangsang dan mendorong sasaran dakwah sentiasa berada dalam kebaikan dan ketaatan untuk memperolehi segala ganjaran kebaikan dan pahala sepertimana yang telah dijanjikan oleh Allah SWT sama ada ganjaran kebaikan di dunia atau pun ganjaran pahala di akhirat (al-Qaradāwī, 1993).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat difahami bahawa pendekatan yang berbentuk galakan adalah selaras dengan fitrah kemanusiaan yang sering mendambakan ganjaran dan kebaikan keduniaan apatah lagi di akhirat. Oleh itu, tidak dapat dinafikan bahawa pendekatan yang berkaitan dengan anjaran dan balasan baik mampu mendorong umat Islam khususnya para usahawan berlumba-lumba mematuhi, mengerjakan kebaikan dan konsisten mentaati syariat dan perintah Allah SWT. Tambahan pula, penggunaan pendekatan galakan begitu penting kerana digunakan berulang-ulang kali dalam al-Quran sehingga umat Islam dan para pendakwah tidak boleh mengabaikannya dalam kehidupan khususnya terhadap dunia perniagaan (Zaidān, 2002). Hal ini, seperti terkandung dalam surah al-Isrā' [17]: 9, al-Nisā' [4]: 165, Saba' [34]: 28. Justeru, terdapat keperluan untuk menyampaikan kelebihan dan galakan dalam sesuatu amalan berupa ganjaran kebaikan. Supaya individu muslim menanam semangat serta keazaman agar sentiasa bermotivasi untuk mengerjakan amal soleh dan beribadat bagi memperolehi ganjaran-Nya.

3. Pelaksanaan Keusahawanan dalam Skop Islam

Islam adalah agama yang sempurna dari segenap perkara serta merangkumi aspek ukhrawi dan duniawi. Tatacara kehidupan yang terbaik telah digariskan oleh Allah SWT buat hamba-Nya melalui al-Quran dan sunnah yang menjadi panduan manakala akal fikiran digunakan bagi mencapai tujuan hidup mendekatkan diri kepada Pencipta (Abd Muin, Abdullah & Bahari, 2015). Dalam setiap pekerjaan dan perjalanan hidup, Allah SWT memberi panduan untuk hamba-Nya agar melaksanakan setiap perkara dalam keredaan-Nya kerana Islam adalah cara hidup yang mengikut fitrah manusia (Harahap, 2016).

Prinsip hidup Islam adalah memastikan setiap individu memiliki akidah yang benar, melaksanakan amalan yang dituntut oleh Islam dan membuahkan akhlak mulia. Gaya hidup yang menolak konsep qada' dan qadar dan menolak konsep keberkatan rezeki adalah bertentangan dengan gaya hidup Islam. Perbuatan tidak mengeluarkan zakat dan tidak bersedekah menunjukkan seseorang tersebut tidak bersyukur, sifat ini jauh tersasar daripada prinsip hidup Islam. Walau apa sekalipun bidang yang diceburi terutamanya keusahawanan, seorang muslim wajib mengamalkan gaya hidup Islam (Md Yusof, Hamed, Md Tahir, & Othman, 2018b). Keusahawanan Islam merupakan konteks luas yang melibatkan tugas dan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT, dengan erti lain memenuhi tuntutan hubungan sesama Allah SWT dan hubungan sesama manusia. Malah ia bukan hanya berkaitan dengan aspek perniagaan sahaja, tetapi ia sebagai ibadat yang memperolehi ganjaran Allah SWT (Mubarak, 2015).

Bidang keusahawanan termasuk kategori muamalat, selari dengan kajian Mohd Adib et al. (2018) keusahawanan merupakan cabang muamalat dalam meningkatkan ekonomi Islam. Individu yang menceburi dalam bidang ini bukan sekadar mengaut keuntungan semata-mata, sebaliknya mencari keredaan Allah SWT. Keusahawanan Islam bermaksud sistem keusahawanan yang berpaksikan kepada al-Quran dan Sunah (Ripin & Mansur, 2010). Menurut Rameli, Aziz, Wahab dan Amin (2014b) usahawan muslim mempunyai satu sistem etika yang menggabungkan pelbagai elemen termasuklah iman dan ibadah kepada Allah SWT, niat baik dan betul, memilih halal dan baik, amanah prihatin kepada orang lain dan sebagainya. Selain itu kajian Ripin dan Mansur (2010) yang berkaitan dengan etika keusahawanan menurut perspektif al-Quran yang meliputi prinsip-prinsip berlandaskan syarak sebagai panduan kepada usahawan Muslim iaitu, kebebasan, kerelaan, keadilan, perlindungan dan kesopanan.

Islam tidak melarang pengikutnya menceburi dalam sebarang bidang keusahawanan melainkan bidang yang mempunyai unsur-unsur riba, *ihtikār* (monopoli), *gharar* (penipuan) dan perjudian (Ripin & Mansur, 2010). Berpadanan dengan kajian Hussin (2003) pencarian rezeki baik adalah dengan sumber harta yang halal dan baik, ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Baqarah [2] ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya:

Wahai manusia! Makanlah daripada (makanan) halal dan baik yang terdapat di bumi, dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah setan. Sungguh, syaitan itu musuh yang nyata bagimu.

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT adalah pemberi rezeki dan menciptakan makhluk di muka bumi ini. Allah SWT menganugerahkan nikmat rezeki di muka bumi, makanlah daripada sumber yang halal, baik, lazat dan tidak memudaratkan kesihatan. Tambahan itu, jauhilah daripada perkara yang dilarang oleh Allah SWT (al-Suyūṭī & al-Maḥallī, 2003). Jauhi sumber yang haram seperti terlibat dengan rasuah, penipuan, dan sumber produk yang halal. Begitu juga dengan pemprosesan bahan atau penghasilan produk secara beretika, dengan menitik beratkan kepentingan pensijilan Halal dan cabaran dalam penghasilan produk (Rameli, Aziz, Wahab & Amin, 2014a).


Selain itu, perwatakan dan ciri-ciri usahawan dalam melaksanakan segala urusan yang berkaitan dengan pengurusan perniagaan perlu berlandaskan Islam. Ini bergantung kepada individu terhadap amalan spiritual dalam kehidupan (Rameli, Aziz, Wahab & Amin, 2014b). Manusia diciptakan sebagai khalifah di muka bumi (Abd Muin, Abdullah & Bahari, 2016). Menurut Md Yusof, Hamed, Md Tahir dan Othman (2018a) falsafah tauhid adalah kepercayaan dan pegangan Islam, berpaksikan ketaqwaan membentuk jalinan pekerjaan yang berlandaskan syariat Islam yang telah diaturkan.

4. Metodologi

Kajian ini menggunakan metodologi *systematic literature review* (SLR). Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenalpasti tematik hadis berkaitan keusahawanan dan perniagaan. Metode kajian yang digunakan adalah analisis hadis terhadap kitab-kitab hadis antaranya Muḥammad ibn Ismā‘īl al-Bukhārī (w. 256 H) dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Abū al-Ḥusayn ‘Asākir al-Dīn Muslim ibn al-Ḥajjāj (w. 261 H) dalam kitabnya *Ṣaḥīḥ Muslim*, Abū ‘Īsā Muḥammad ibn ‘Īsā al-Sulamī al-Ḍarīr al-Būghī al-Tirmidhī (w. 279 H) dalam kitabnya *Sunan al-Tirmidhī*, Abū Dāwud Sulaymān ibn al-Ash‘ath ibn Ishāq al-Azdī al-Sijistānī (w. 275 H) dalam kitabnya *Sunan Abī Dāwud*, Abū ‘Abd al-Rahmān Aḥmad ibn Shu‘ayb ibn ‘Alī ibn Sīnān al-Nasā‘ī (w. 303 H) dalam kitabnya *Sunan al-Nasā‘ī*, Abū ‘Abdillāh Muḥammad ibn Yazīd Ibn Mājah al-Rab‘ī al-Qazwīnī (w. 273 H) dalam kitabnya *Sunan Ibn Mājah*, Mālik ibn Anas (w. 179 H) dalam kitabnya *al-Muwattā’ Mālik*, dan Abū ‘Abdillāh Aḥmad ibn Muḥammad ibn Ḥanbal al-Shaybānī (241 H) dalam kitabnya *Musnad Aḥmad ibn Ḥanbal*. Justifikasi pemilihan kitab ini kerana selain ianya merupakan kitab hadis induk, malahan matan hadis yang dikaji telah terkandung dalam kitab tersebut. Selain itu, hadis yang dipilih mestilah berstatus diterima iaitu sama ada *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan *ḍa‘īf*. Menurut Ahmad dan Rokhibi (2019) hadis *ḍa‘īf* dapat digunakan sebagai galakan. Kajian ini mensasarkan beberapa objektif kajian, iaitu:

- a) Menganalisis hadis tematik berkaitan galakan menceburi bidang keusahawanan
- b) Melihat pandangan al-Quran dan *al-Sunnah* berkenaan bidang keusahawanan

Kajian ini merupakan analisis tematik berdasarkan hadis-hadis yang terkumpul mengikut tema keusahawanan. Hadis tematik yang dianalisis merupakan hadis yang mengandungi tema keusahawanan dan galakan menceburinya. Oleh itu, hadis-hadis selain daripada tema di atas akan terkeluar daripada sistem literatur sistematik. Rujuk Rajah 1 di bawah untuk penjelasan terperinci.



Rajah 1: Carian Primitif

Rajah 1 memaparkan kajian ini menggunakan kaedah *systematic literature review* (SLR) yang merangkumi bilangan, hadis, sumber dan status hadis. Kaedah ini mengaplikasikan carian yang sistematik untuk mengenal pasti saranan menceburi bidang keusahawanan dalam hadis Nabawi secara tematik. Menurut Higgins et al. (2011) *systematic literature review* (SLR) merupakan kajian yang bertujuan mencari dan menganalisis secara komprehensif, berstruktur, tiada keraguan dan boleh diulang pada proses seterusnya. Prinsip matrik sorotan sistematik literatur telah diaplikasikan ramai pengkaji sejak kebelakangan ini bagi melihat dengan

jelas fenomena yang berlaku di sekitar kata kunci kajian (Michie & Williams, 2003; Siddiqi, House & Holmes, 2006). Kajian hadis yang mengaplikasikan sorotan sistematik literatur bukanlah suatu yang asing lagi. Usman, Salleh, Wazir, Nasir, Shaharuddin dan Shahabudin (2018) dalam kajiannya, *Pedofilia dalam Hadis Nabawi: Analisis Tematik* telah mempraktikkan metodologi ini untuk menganalisis hadis yang bersesuaian dengan tema kajian pedofilia.

Dalam kajian ini, kata kunci yang digunakan dalam pemilihan hadis adalah التَّجَارَةَ (galakan) (perniagaan) dan بيع (jual beli) bagi mendapatkan data kajian. Perniagaan dan jual beli adalah cabang utama dalam bidang keusahawanan (Mohd Adib et al. 2018). Dua kata kunci perniagaan dan jual beli tiada beza, tetapi pengkaji menggunakan dua kata kunci ini untuk memilih hadis yang bertepatan dengan tema kajian ini iaitu galakan keusahawanan. Proses menganalisis data diakses dengan bantuan kitab elektronik *maktabah shāmilah* serta *google search engine* dalam laman sesawang *qaalarasulallah.com* dan *hdith.com*. Dalam kajian ini pengkaji mengaplikasikan 3 fasa kajian iaitu n1 adalah pengenalpastian (*identification*), n2 adalah saringan (*screening*) dan n3 adalah kelayakan (*eligibility*). Terdapat 17 hadis hasil daripada carian yang telah dilakukan melalui proses pengenalpastian. Daripada 17 hadis tersebut, saringan mengikut kata kunci (galakan) التَّجَارَةَ (perniagaan) dan بيع (jual beli) memperolehi sebanyak lapan (8) hadis yang menepati kata kunci tersebut. Kemudian, lapan (8) hadis ini dikaji untuk melihat kelayakan berdasarkan objektif kajian.

Kelayakan yang dilihat ialah pada status hadis iaitu hendaklah berstatus diterima. Status hadis yang diterima bagi penggunaan galakan ialah status *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan *ḍaʿīf*. Ini bertepatan dengan pernyataan Ahmad dan Rokhibi (2019) yang menyatakan penggunaan hadis *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan *ḍaʿīf* dibolehkan dalam bab galakan. Pengkaji menilai status hadis melalui penilaian ulama *taḥqīq* iaitu Syekh Shuaib Al Arna'ut. Jumlah hadis yang terkumpul hanya lima (5) selepas melalui fasa kelayakan, satu daripadanya adalah *ḍaʿīf*. Penyisihan 3 hadis daripada hadis ini ialah kerana ketiga-tiga hadis tersebut berstatus palsu (*mawḍūʿ*).

5. Dapatan dan Perbincangan

Secara umumnya, pengkaji mendapati banyak hadis yang membicarakan tentang bidang keusahawanan antaranya dari sudut galakan penglibatan, kriteria usahawan berlandaskan syariat dan peranan seorang usahawan. Dalam kajian ini pengkaji memfokuskan kepada hadis berkaitan galakan penglibatan dalam bidang keusahawanan. Antara hadis yang dikupas dapat dilihat pada Jadual 1 berikut:

Jadual 1: SLR Analisis Tematik

Bil.	Hadis	Sumber	Status
1.	عَنْ ابْنِ عُمَرَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ التَّاجِرُ الْأَمِينُ الصَّدُوقُ الْمُسْلِمُ مَعَ الشَّهَادَةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ "Daripada Ibn 'Umar telah berkata: Rasulullah SAW telah bersabda: "Peniaga yang amanah lagi jujur akan bersama para Syuhada pada hari Kiamat."	Ibn Mājah, <i>Sunan Ibn Mājah, Kitāb al-Tijārāt, Bāb al-Ḥath 'alā al-Makāsib</i> , nombor hadis 2139.	<i>Ḍaʿīf</i>
2.	عَنْ جَدِّهِ رَافِعِ بْنِ خَدِيجٍ قَالَ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيُّ الْكَسْبِ أَطْيَبُ قَالَ عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ وَكُلُّ بَيْعٍ مَبْرُورٍ "Daripada datuknya Rāfi' ibn Khadīj, telah berkata: "Ditanya wahai Rasulullah SAW, apakah sebaik-baik pekerjaan? Rasulullah SAW bersabda: "Pekerjaan seorang lelaki dengan tangannya sendiri, dan setiap perniagaan yang berkat"."	Aḥmad ibn Ḥanbal, <i>Musnad Aḥmad ibn Ḥanbal, Musnad al-Shāmiṅ, Ḥadīth Rāfi' ibn Khadīj</i> , nombor hadis 16814.	<i>Ḥasan</i>
3.	عَنِ الزُّبَيْرِ بْنِ الْعَوَّامِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبْلَهُ فَيَأْتِيَ بِحُرْمَةٍ الْحَطْبِ عَلَى ظَهْرِهِ فَيَبِيعَهَا فَيَكْفَى اللَّهُ بِهَا وَجْهَهُ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ أَعْطَوْهُ أَوْ مَنَعُوهُ "Daripada al-Zubair ibn al-'Awwām RA, daripada	al-Bukhārī, <i>Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Isti'fāf 'an al-Mas'alah</i> , nombor hadis 1402.	<i>Ṣaḥīḥ</i>

Nabi SAW telah bersabda: “Lebih baik bagi kamu jika ambil tali (kemudian memotong) dan membawa seikat kayu (dari hutan), kemudian memikulnya lalu dijual. Allah SWT akan menyelamatkan wajahnya (daripada terkena bahang api neraka) lebih baik daripada meminta kepada manusia (boleh jadi) mereka memberi atau enggan memberi.”

- | | | |
|--|--|---------------------|
| <p>4. عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا كَانَتْ أَصْحَابَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عُمَّالَ أَنْفُسِهِمْ وَكَانَ يَكُونُ لَهُمْ أُرُوحٌ فَقِيلَ لَهُمْ لَوْ اغْتَسَلْتُمْ</p> <p>“Daripada ‘Aishah RA, adalah para sahabat Rasulullah SAW pekerja dan kadang kala berbau tubuh (kerana gigih). Maka dikatakan kepada mereka: “Jika kalian membersihkan diri (adalah lebih baik).”</p> | <p>al-Bukhārī, <i>Kitāb al-Jihād wa al-Sayr</i>, <i>Bāb Mā yaqūl idhā raja ‘a min al-ghazw</i>, nombor hadis 1965.</p> | <p><i>Ṣaḥīḥ</i></p> |
| <p>5. عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَدِمَ عَبْدُ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ الْمَدِينَةَ فَأَخَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَيْتَهُ وَبَيْنَ سَعْدِ بْنِ الرَّبِيعِ الْأَنْصَارِيِّ وَكَانَ سَعْدٌ ذَا غَنَى فَقَالَ لِعَبْدِ الرَّحْمَنِ أَفَاسِمُكَ مَالِي نَصْفَيْنِ وَأُزَوِّجُكَ قَالَ بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي أَهْلِكَ وَمَالِكَ ذُلُونِي عَلَى السُّوقِ فَمَا رَجَعُ حَتَّى اسْتَفْضَلَ أَقْطًا وَسَمْنَا فَأَتَى بِهِ أَهْلًا مَنزِلَهُ ...</p> <p>“Daripada Anas RA berkata: “‘Abd al-Rahmān ibn ‘Auf telah tiba di Madinah, lalu Rasulullah SAW mempersaudarakannya dengan Sa‘ad ibn al-Rabī‘ al-Anṣārī. Ketika itu Sa‘ad adalah seorang yang kaya. Lalu beliau telah berkata kepada ‘Abd al-Rahmān: “Aku akan mengagihkan hartaku kepadamu sebahagian dan akan menikahkanmu (dengan salah seorang daripada isteriku).” ‘Abd al-Rahmān telah berkata: “Semoga Allah SWT memberkatimu dalam keluarga dan hartamu. Tunjukkanlah pasar kepadaku.” Maka beliau tidak kembali melainkan pergi ke pasar dengan membawa keju dan minyak samin lalu membawa keuntungan untuk keluarganya...”</p> | <p>al-Bukhārī, <i>Kitāb al-Buyū‘</i>, <i>Bāb Mā jā‘a fī qawlih Ta‘ālā faidhā quḍiyat al-ṣalāh fantashirū fī al-arḍ</i>, nombor hadis 1944.</p> | <p><i>Ṣaḥīḥ</i></p> |

Berdasarkan *systematic literature review*, hasil analisis mendapati daripada 17 himpunan hadis, hanya lima (5) hadis yang menepati tema berkaitan dengan galakan keusahawanan. Dalam lima hadis tersebut dinyatakan kebaikan dan kelebihan menceburi bidang keusahawanan dengan galakan terhadap perniagaan. Perniagaan adalah antara cabang utama dalam bidang keusahawanan (Mohd Adib et al. 2018). Kelebihan bidang ini berdasarkan hadis di atas mendapati bahawa perniagaan adalah sumber rezeki. Selain itu, terdapat juga pengiktirafan terhadap pekerjaan dengan usaha sendiri bahawa ianya dicintai Allah SWT. Setelah diteliti, pengkaji mendapati tiga (3) hadis *ṣaḥīḥ*, satu (1) hadis *ḥasan*, dan satu (1) hadis *ḍa‘īf*.

Hadis *ḍa‘īf* mempunyai beberapa tingkatan iaitu *ḍa‘īf* ringgan, *ḍa‘īf* berat dan juga hadis palsu. Menurut Ahmad dan Rokhibi (2019) dalam kitab *Hukm al-‘Amal Bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf* hadis *ḍa‘īf* mengandungi tiga aspek pengajaran, pertama, hadis *ḍa‘īf* boleh diamalkan sekiranya ianya bukan *mawḍū‘* (palsu), walaupun tanpa menyebut *ḍa‘īf*nya di tahap mana. Maka boleh meriwayatkan untuk beramal dengannya. Kedua, boleh boleh beramal dengan hadis *ḍa‘īf* pada bab-bab tertentu dalam ilmu seperti *faḍāil*, *al-tarḥīb wa al-tarḥīb* (hadis-hadis galakan dan ancaman) dan seumpamanya. Ketiga pula, boleh diamalkan kerana mungkin ia *ṣaḥīḥ* pada maksudnya, maka disebabkan itu ulama membolehkan untuk beramal dengan hadis *ḍa‘īf*.

Bidang keusahawanan merupakan salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara (Abd Muin, Abdullah & Bahari, 2016; Abd Muin, Che Majid & Abdullah, 2014; Mubarak 2015; Nooh & Wan Nawang, 2006, Yusof, Hameed, Md Tahir & Othman, 2018). Tun Dr Mahathir pada tahun 2019 selaku Perdana

Menteri ketika itu, telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Nasional (DKN) 2030 bertujuan mengalakkan rakyat Malaysia agar berkecimpung dalam dunia keusahawanan agar golongan B40 dapat dikurangkan (Kementerian Pembangunan Usahawan, 2019). Selain itu menurut Ali, Kamri dan Sarif (2015) perkembangan negara adalah dengan peningkatan perniagaan dan perdagangan dalam negara tersebut. Justeru kenyataan ini menunjukkan bahawa kepentingan bidang keusahawanan kepada negara.

Bidang keusahawanan merupakan bidang yang sudah sehati dengan Islam. Islam mengiktiraf nilai keusahawanan sebagai nilai-nilai murni dan selaras dengan sifat mahmudah yang diamalkan oleh setiap individu muslim (Ab Ghani & Sarif, 2005). Disamping itu, Tunggak, Salomon dan Abu (2011) menyatakan bahawa setiap usahawan muslim perlu menitik beratkan nilai-nilai Islam dalam perniagaan yang dijalankan. Islam tidak melarang umatnya melaksanakan apa sekalipun bidang perniagaan melainkan bercanggah dengan syariat Allah SWT terhadap hambaNya. Dalam sabda Rasulullah SAW:

طلب الحلال واجب على كل مسلم

[al-Ṭabarānī, *Bāb al-Mīm, Man Ismuhu Mas'ūd*, nombor hadis 8610, *Ḥasan*]

Maksudnya:

“Mencari rezeki yang halal merupakan suatu kewajipan kepada setiap orang Islam.”

Selain itu Rasulullah SAW juga bersabda:

كان أصحاب رسول الله صلى الله عليه وسلم عمال أنفسهم، وكان يكون لهم أرواح، فقبل لهم؛ لو اغتسلتم

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Buyū'*, *Bāb Kasb al-Rajul Wa 'Amalih Biyadih*, nombor hadis 2071]

Maksudnya:

“Sesungguhnya para sahabat Rasulullah SAW pekerja dan kadang kala berbau tubuh (kerana gigih). Maka dikatakan kepada mereka: Jika kalian membersihkan diri (adalah lebih baik).”

Berdasarkan hadis di atas menjelaskan bahawa para sahabat juga tidak terkecuali mencari nafkah dan berusaha sendiri, ini menunjukkan bahawa Islam mengalakkan umatnya berusaha (Al-‘Asqālanī, 2006). Selain itu Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ نَعِيمِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ بَلَغَنِي أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: تِسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي التِّجَارَةِ.

[al-Suyūṭī, *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*, nombor hadis 6183, *Da'if*]

Maksudnya:

Daripada Nu'aym Ibn 'Abd al-Raḥman berkata: “Rasulullah SAW telah menyampaikan kepadaku, Rasulullah SAW bersabda: sembilan per sepuluh rezeki berpunca daripada perniagaan.”

Berdasarkan hadis di atas menjelaskan Rasulullah SAW telah memberikan galakan terhadap perniagaan yang juga cabang bidang keusahawanan, dengan menyatakan sebahagian besar punca rezeki adalah daripada perniagaan (Al-Ṣan'ānī, 2011). Di samping itu, Rasulullah SAW bersabda:

وعن رافع بن خديج قال: يا رسول الله، أي الكسب أطيب؟ قال: عمل الرجل بيده، وكل بيع مبرور.

[al-Ṭabarānī, *al-Mu'jam al-Kabīr, Bab al-Rā'*, 'Ibayah Ibn Rifā'ah 'an Jaddihi Rāfi', nombor hadis 4411. *Ṣaḥīḥ*]

Maksudnya:

Daripada Rāfi' ibn Khadij, bertanya: “Ya Rasulullah SAW, apakah sebaik-baik kerja? “Rasulullah SAW bersabda: “pekerjaan seorang lelaki dengan tangannya sendiri, dan setiap perniagaan yang berkat”.”

Hadis ini menerangkan sebaik-baik pekerjaan adalah berusaha sendiri dan perniagaan mengikut syariat Islam (al-Haythamī, 1994). Menurut Rameli, Aziz, Wahab dan Amin (2014b) usahawan muslim seharusnya mengamalkan etika perniagaan Islam dalam segenap pengurusan perniagaan, termasuklah daripada permulaan perniagaan sehingga hasil perniagaan. Selain itu, Islam juga mengajar umatnya agar berusaha mencari rezeki. Seperti dalam sabda Nabi SAW:

لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ حَبْلَهُ فَيَأْتِيَ بِحِزْمَةٍ حَطَبٍ عَلَى ظَهْرِهِ فَيَبِيعَهَا، فَيَكْفَى اللَّهُ بِهَا وَجْهَهُ، خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ أَعْطَوْهُ أَوْ مَنَعُوهُ.

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Isti'fāf 'an al-Mas'alah*, nombor hadis 1402]

Maksudnya:

Lebih baik bagi kamu jika ambil tali (kemudian memotong) dan membawa seikat kayu (dari hutan), kemudian memikulnya lalu dijual. Allah SWT akan menyelamatkan wajahnya (daripada terkena bahang api neraka) lebih baik daripada meminta kepada manusia (boleh jadi) mereka memberi atau enggan memberi.

Hadis ini adalah satu tegahan meminta-minta kepada manusia dan satu galakan berusaha sendiri untuk mencari rezeki. Manakala keusahawanan adalah salah satu jalan mencari rezeki dengan usaha sendiri (Al-'Asqālānī, 2006). Sahabat Nabi SAW juga mencari rezeki melalui perniagaan:

أَنَّ عَبْدَ الرَّحْمَنِ بْنَ عَوْفٍ قَدِمَ الْمَدِينَةَ، فَآخَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَبِينَهُ وَبَيْنَ سَعْدِ بْنِ الرَّبِيعِ الْأَنْصَارِيِّ، وَكَانَ سَعْدٌ ذَا غَنَى، فَقَالَ لِعَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ: "أُقَاسِمُكَ مَالِي نَصْفَيْنِ وَأَزْوَاجِكُ، قَالَ: بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي أَهْلِكَ وَمَالِكَ، ذُلُونِي عَلَى السُّوقِ، فَمَا رَجَعَ حَتَّى اسْتَفْضَلَ"

[al-Bukhārī, *Kitāb Manāqib al-Anṣār, Bāb Ikhā' al-Nabī Allah 'Alayh wa Sallam Bayna al-Muhājirīn wa al-Anṣār*, nombor hadis 2049]

Maksudnya:

Sesungguhnya 'Abd Raḥmān ibn 'Auf RA datang ke Madinah. Maka Nabi SAW mempersaudarakan dia dengan Saad Ibn al-Rabi' al-Ansari, seorang yang kaya. Maka dia berkata kepada Abd Rahman: "Aku bersumpah akan memberikan separuh hartaku dan mengahwinkan kamu. Berkata (Abd Rahman) Semoga Allah SWT memberkatimu pada keluargamu dan hartamu, (Tetapi) tunjukkanlah aku pasar. Maka dia tidak pulang sehinggalah berlebih hartanya (menjadi kaya)."

Hadis ini merangkan kelebihan sahabat nabi 'Abd Raḥmān ibn 'Auf RA yang berusaha sendiri mencari rezeki dan tidak sekadar berpeluk tubuh (Al-'Asqālānī, 2006). Galakan juga ditunjukkan untuk melazimi pasar bagi urusan perniagaan, malah dengan perkara tersebut dapat menghubungkan ikatan silaturahim (Hārūn al-Khallāl, 1987). Manakala al-Quran juga memanifestasikan galakan menceburi bidang ini dengan jelas kepada umat Islam. Abdul Hamid & Ahmad (2016) menjelaskan bahawa beberapa istilah dalam al-Quran merujuk kepada makna keusahawanan antaranya perkataan *tijārah* (perniagaan) dalam surah al-Nisā' [4]: 29 dan *al-bay'* (jual beli) dalam surah al-Baqarah [2] : 275 secara khususnya digunakan untuk menunjukkan perniagaan adalah antara pekerjaan yang mempunyai nilai dalam Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisā' [4] ayat 29:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبُطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ

كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya:

“Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil, kecuali dengan jalan perniagaan yang berlaku dengan suka sama-suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sungguh, Allah SWT Maha Penyayang kepadamu.”

Merujuk ayat di atas umat Islam tidak dibenarkan menggunakan harta individu lain dengan cara yang haram (al-Suyūṭī & al-Maḥallī, 2003). Perbuatan haram adalah seperti perbuatan riba dan merampas dalam urusan jual beli melainkan perkara itu dilakukan suka sama suka (rela/roda). Serta Islam melarang umatnya membunuh diri (melakukan perbuatan yang membawa kepada kebinasaan diri) (al-Suyūṭī & al-Maḥallī, 2003). Ini menunjukkan bahawa Islam tidak melarang penganutnya menceburi bidang keusahawanan, tetapi dengan berlandaskan syariat Islam. Dalam firman Allah SWT yang lain, surah al-Baqarah [2] ayat 275:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلَ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Maksudnya:

Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: "Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba." Padahal Allah SWT telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah SWT. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

Riba adalah tambahan dalam muamalah dengan duit dan produk, sama ada berkaitan kuantiti atau waktunya. Allah SWT telah menegaskan bahawa pengharaman riba dalam jual beli, ini bermaksud jual beli yang bersih daripada riba adalah halal di sisi Allah SWT (al-Suyūṭī & al-Maḥallī, 2003). Perkara ini dikukuhkan dengan hadis Rasulullah SAW:

إِنَّ التُّجَّارَ يُعْتَنُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ فُجَّارًا، إِلَّا مَنْ اتَّقَى اللَّهَ، وَبَرَّ، وَصَدَقَ

[al-Tirmidhī, *Kitāb al-Buyū‘*, Bāb Mā jā’ Fi al-Tijār wa Tasmīyat al-Nabī, nombor hadis 1210, Sahih]

Maksudnya:

Sesungguhnya para peniaga ini akan dibangkitkan pada hari Kiamat dalam keadaan yang berdosa melainkan orang yang bertaqwa kepada Allah SWT, berbuat kebaikan dan jujur.

Berdasarkan ini, Islam begitu memberi penekanan dalam merealisasikan pembudayaan keusahawanan dalam ruang lingkup ekonomi Islam. Manifesto ini sebenarnya membentuk umat Islam yang lebih kompeten dan mandiri dalam menaik taraf ekonomi Islam (Fadzil & Yaacob, 2014). Perkara ini, disokong oleh Solahuddin dan Kamarudin (2016) bahawa individu muslim yang berkecimpung dalam bidang ini, kemudian mengaplikasikan syariat Islam. Bermula dengan penubuhan sehingga keuntungan perniagaan dengan membawa matlamat sosial. Ini adalah implikasi daripada pembudayaan keusahawanan Islam yang berpaksikan galakan daripada al-Quran dan sunnah.

6. Kesimpulan

Profesion sebagai usahawan adalah satu bidang yang mulia. Hal ini jelas telah dibincangkan berdasarkan lima hadis yang telah dianalisis mengikut tema kajian. al-Quran dan sunnah telah memanisfestasikan galakan ini dan telah dirungkai dalam kajian ini. Islam tidak melarang pengikutnya menceburi bidang ini, tetapi pelaksanaan hendaklah berlandaskan syariat Islam. Meninggalkan larangan dan melaksanakan suruhan. Implikasi daripada galakan ini mencipta anjakan paradigma dalam budaya ekonomi Islam. Keberhasilan membentuk budaya baru, akan memberi impak besar dalam kemajuan ekonomi Islam. Pengkaji berharap agar terdapat kajian selanjutnya untuk memerhati peranan usahawan muslim dalam mengamalkan nilai-nilai keusahawanan Islam terhadap pembangunan ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, pembudayaan keusahawanan Islam dapat dinormalisasikan oleh golongan usahawan muslim sekali gus mampu menjadi dai kepada masyarakat.

Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2019. No Geran: 2019/P/GPIK/GPZ-005, Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) yang bertajuk *Pembinaan Model Muafpreneur dalam Pembangunan Komuniti Muafaf*.

Rujukan

- Ab Ghani, A. M., & Sarif, S. (2005). Penerapan budaya keusahawanan dalam masyarakat Islam. *Seminar Keusahawanan Peringkat Antarabangsa 2005*.
- Abd Hadi, F. S., & Borhan, J. T. (2013). The business success factors of Khadijah binti Khuwailid : Analysis of the asnaf zakat entrepreneurs in Lembaga Zakat Selangor. *Shariah Journal*, 21(2), 117–144.
- Abd Muin, M. A., Abdullah, S., & Bahari, M. D. A. (2015). Keusahawanan sosial Islam: Konsep dan amalan. *National Research Seminar 2015*, May.
- Abdul Hamid, S., & Ahmad, K. (2016). Pembudayaan usahawan dalam Islam : Teori dan aplikasi. *Ijib*, 1(1), 1–12. [http://www.ijib.uum.edu.my/data07/IJIB_11\(2016\)_1-12.pdf](http://www.ijib.uum.edu.my/data07/IJIB_11(2016)_1-12.pdf).
- Ahmad, K., & Rokibi, M. R. (2019). Isu berkaitan hadith lemah (*da'if*) menurut pandangan Al-Saykh Muhammad 'Awwāmah dalam kitab *Hukm al-'Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa'if*: Satu analisis. *Proceeding of The 4th International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2019)*, November, 50–75.
- Ali, N. A., Kamri, N. A., & Sarif, S. (2003). Pembudayaan keusahawanan Islam: implikasinya terhadap pembangunan ummah sejagat. *Jurnal Usuluddin*, 17(17), 75–90.
- al-'Asqālānī, I. H. (2006). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Ma'rīfah.
- Azid, M. A. A., Ahmad, K., Ariffin, M. F. M., & Dahaman@Dahlan, M. A. (2019). Hadis sebagai sumber rujukan dan ambilan hukum bagi jawatankuasa fatwa negeri Perlis: Kedudukan dan aplikasi hadis As a Source of Reference and Hukm for State Fatwa Committee of Perlis: Status and Application. *Journal of Ma'alim Al-Quran Wa Al-Sunnah*, 15(2), 1–14.
- al-Bukhārī, M. I. (1980). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ṭuk al-Najāh.
- Fadzil, A. F. M., & Yaacob, M. R. (2014). Faktor individu sebagai komponen menyumbang kepada penciptaan perniagaan baharu usahawan E-Dagang. *Prosiding PERKEM VIII*. <https://doi.org/10.1021/acs.jpoteome.6b00339>.
- Al-Ghazālī, M. (2005). *Ma'a Allah: dirāsāt fī al-da'wah wa al-du'āt*. Kaherah: Naḥḍah Miṣr.
- Ikawati, E. (2012). Metode komunikasi dakwah dalam perspektif hadis. *HIKMAH: Jurnal Ilmu Dakwah dan Komunikasi Islam*, 6(2), 115-132.
- Ibn Manzūr, A. (1990). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Juliana, Rahayu, A., & Wardhani, Y. P. (2020). *Muslimpreneur Intentions: Analysis of Family Background*. 3(1), 10–15.
- Kementerian Pembangunan Usahawan. (2019). *Dasar Keusahawanan Nasional 2030*. 1–78.
- Harahap, S. (2016). *Islam Agama Syumul: Membangun Muslim Komprehensif*. Petaling Jaya: Ilham Books.
- al-Haythamī, I. H. (1994). *Majma' al-Zawā'id wa Manba' al-Fawā'id*. Kaherah: Maktabah al-Qudsī.
- Hārūn al-Khallāl, A. A. (1987). *al-Ḥath 'alā al-tijārah wa al-ṣinā'ah wa al-'amal wa al-inkār 'alā man yudda't al-tawakkal fī tark al-'amal wa al-ḥujjah 'alayhim fī dhālik*. Riyadh, KSA: Dar al-'Asimah.
- Higgins, J. P. T., et al. (2011). The Cochrane Collaboration's tool for assessing risk of bias in randomised trials. *BMJ (Online)*, 343(7829), 1–9. <https://doi.org/10.1136/bmj.d5928>.



- Hussin, S. A. S. (2005). Pendekatan Taghrib dan Tarhib dalam Penyampaian Dakwah. *Jurnal Usuluddin*, 21, 117-138.
- Hussin, W. S. W. (2003). Ciri-ciri usahawan berjaya dari perspektif al-Qur'an. *Jurnal Usuluddin*, 18, 81-110.
- Md Yusof, S., Hamed, A.B, Md Tahir, R., & Othman, A. (2018a). Hablumminallah among successful muslim women entrepreneur: An exploratory study. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(5), 1002–1014. <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v8-i5/4480>.
- Md Yusof, S., Hamed, A.B, Md Tahir, R., & Othman, A. (2018b). Usahawan wanita muslim berjaya: amalan gaya hidup Islam. *International Journal of Islamic Business*, 3(1), 1–8.
- Michie, S., & Williams, S. (2003). Reducing work related psychological ill health and sickness absence: A systematic literature review. *Occupational and Environmental Medicine*, 60(1), 3–9. <https://doi.org/10.1136/oem.60.1.3>.
- Mubarak, M. Z. (2015). Konsep keusahawanan Islam: terminologi, kerohanian dan al-falah. *Seminar Antarabangsa Pendidikan Islam Dan Keusahawanan Sosial 2015, 12-14 Oktober*, 1–14. <https://books.google.com.my/books?id=tsnsAAAACAAJ>.
- Nooh, M. N., & Wan Nawang, W. R. (2006). Usahawan Muslim: isu dan cabaran. *Seminar Pembudayaan & Pendidikan Keusahawanan Remaja*, 1–13. <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/1536>.
- al-Qaraḍāwī, Y. (1993). *Al-Muntaqā min Kitāb al-Targhīb wa al-Tarhib li al-Mundhirī*. Kaherah: Dār al-Wafā'.
- Rameli, M. F. P., Aziz, M. R. A., Wahab, K. A., & Amin, S. M. (2014a.). Etika Perniagaan Islam: Pengalaman Usahawan Muslim di Melaka. *Jurnal Usahawan*, 9, 442–450.
- Rameli, M. F. P., Aziz, M. R. A., Wahab, K. A., & Amin, S. M. (2014b.). Etika perniagaan Islam: Pengalaman usahawan muslim di Melaka. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi (PERKEM 2014)*, Oct 17-19, 442–450.
- Ripin, M. N., & Mansur, N. H. (2010). *Keusahawanan menurut perspektif al-Quran*. t.tp.: t.pt. <https://core.ac.uk/download/pdf/11786364.pdf>.
- Siddiqi, N., House, A. O., & Holmes, J. D. (2006). Occurrence and outcome of delirium in medical in-patients: A systematic literature review. *Age and Ageing*, 35(4), 350–364. <https://doi.org/10.1093/ageing/afl005>.
- Salwa, A. B. U., Shahabuddin, A., & Jusoff, K. (2013). Religion and business values for muslimpreneurs. *Middle East Journal of Scientific Research*, 13(SPLISSUE), 61–68. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.13.1883>.
- al-Suyūṭī A. R., & Al-Maḥallī. M. (2003). *Tafsir al-Jalālayn*, Jil. 1. Kaherah: Dār al-Ḥadīs.
- al-Suyūṭī A. R. (1995). *al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. Beirut: Dār al-Fīkr.
- al-Ṣan'ānī, M. I. (2011). *al-Tanwīr Syarḥ al-Jāmi' al-Ṣaghīr*. Riyadh: Dar al-Salām.
- Tunggak, B., Salamon, H., & Abu, B. (2011). Keperluan latihan dan pendidikan berterusan ke arah pembangunan usahawan Muslim berteraskan nilai Islam di Malaysia. *Sains Humanika*, 55(1).
- Al-Tarmidhī. (1998). *Sunan Al-Tarmidhī*. Beirut: Dār al-Gharbu.
- Al-Ṭabrānī, S. A. (1994). *Al-Mu'jam al-Kabīr*, Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyah.
- Usman, A. H., Salleh, N. M., Wazir, R., Nasir, M. N., Shaharuddin, S. A., & Shahabudin, M. F. R. (2018). Pedofilia dalam hadis Nabawi: analisis tematik. *E-Prosiding of 3rd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadis (IMAM 2018), 2007(December)*, 21–30.
- Wazir, R., Usman, A. H., Saleh, N. M., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2019). Hadis Targhib Dan Tarhib dalam menangani isu penagihan dadah. *HADIS*, 9(17), 48-64. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/56>.
- Zaidān, A. K. (2002). *Uṣūl al-Da'wah*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah.